

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah rumah PPR (disewa) yang telah dibina di Sabah sejak diperkenalkan pada Februari 2002 bertujuan untuk disewakan kepada golongan sasaran (golongan yang berpendapatan rendah dan setinggan).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak 2002 sehingga 30 September 2019, Kerajaan telah membina sebanyak 30 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Disewa yang merangkumi 20,799 unit rumah di Negeri Sabah untuk disewakan kepada golongan sasaran seperti warga setinggan dan golongan B40 bagi meringankan beban kewangan mereka.

Sekian, terima kasih.